

**Pas: Nyatakan terma konsensus nasional**  
**Sinar Harian**  
**10 Februari 2014**

SHAH ALAM - Pas menyambut baik cadangan konsensus nasional oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dilihat sebagai usaha menyelesaikan kemelut dalam negara.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, cadangan itu juga selari dengan keperluan muzakarah yang dilontar beliau dalam penggulungan Muktamar Pas ke-59, yang lalu.

Beliau turut menggesa perdana menteri menyatakan terma-terma konsensus nasional dan Pas akan berbincang di kalangan pemimpin parti bagi meneliti aspek tersebut.

"Pas ingin menegaskan bahawa sebarang tujuan murni ke arah keharmonian dalam masyarakat adalah wajar diperkukuhkan.

"Ini sebagaimana yang pernah disumbangkan oleh Pas menerusi berbagai jawatankuasa dan majlis perundingan negara," katanya dalam satu kenyataan.

Pada 29 Januari lalu, Najib, selepas mesyuarat kabinet, menggariskan empat perkara dalam rekonsiliasi nasional dan akan bertanggungjawab sebagai ketua dalam mencapai matlamat demi kebaikan negara.

Katanya, rancangan rekonsiliasi nasional itu berasaskan empat kunci utama, iaitu sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa dan melihat pada masa depan.

©2012 | Hakcipta Terpelihara Grup Digital Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/global/pas-nyatakan-terma-konsensus-nasional-1.249148>